

## **TALKING POINTS**

**YBRS. PROF. TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN**

**NAIB CANSELOR UTeM**



---

**MESYUARAT AGONG PERSATUAN ALUMNI UTeM (AUTeM)**

**27 Ogos 2022 (Sabtu), 9.00 pagi**

**Bilik Auditorium Fakulti Kejuruteraan Pembuatan**  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Terima Kasih Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin  
Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



**Yang Berusaha Dr. Hazli Rafis bin Abdul Rahim**

Pengarah

Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan

**Yang Berusaha Ir. Mohd Ghazali Ali bin Mohd Ghazaly**

Pengerusi AUTeM

Alumni-Alumni UTeM


Serta Keluarga UTeM yang saya kasihi sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Keluarga Malaysia

Salam Keluarga UTeM

- 
1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadrat Allah SWT, kerana di atas limpah kurnia dan keizinannya dapat kita bersama pada pagi yang penuh barakah ini bersempena dengan Mesyuarat Agong Persatuan Alumni UTeM.
  2. Terima kasih kepada Jawatankuasa Tertinggi AUTeM dan PPAKG di atas penganjuran AGM ini. Terima kasih juga kepada semua alumni UTeM kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama dalam AGM AUTeM pada kali ini.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

3. Untuk makluman semua, Kesidang Alumni UTeM telah diadakan semalam di mana saya telah bertemu dengan staf-staf UTeM yang merupakan Alumni UTeM. Pada hari ini pula saya berpeluang untuk berjumpa dengan semua Alumni UTeM tanpa mengira latar belakang kerjaya. Ini merupakan satu platform yang sangat baik untuk saya menceritakan serba sedikit berkenaan dengan aspirasi 100 hari yang telah saya bentangkan di kalangan Ahli Keluarga UTeM kepada anda semua.

4. Menjajar Universiti, Melonjak ke Hadapan. Ini merupakan misi yang cuba saya perjuangkan sebagai Naib Canselor di UTeM. Bagi merealisasikan misi ini, 5 Strategi Teras (5ST) telah diperkenalkan iaitu:

- a) Memperkasakan TVET, Meluncur Kerjaya
- b) Mempromosikan RICE, Menjana Pendapatan
- c) Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan
- d) Mencetuskan Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti
- e) Mengembangkan Nilai, Mengamit Kemakmuran.

5. Dalam merealisasikan UTeM 5ST ini, peranan Alumni UTeM amatlah diharapkan. Sebenarnya, para alumni boleh menyumbang pelbagai bentuk idea, kepakaran, pengalaman dan pelbagai bentuk bantuan lain kepada pihak Universiti untuk mencapai sasaran setiap matlamat dalam UTeM 5ST ini.

6. Saya juga dimaklumkan selama ini AUTeM banyak memberikan bantuan pantas yang diperlukan oleh pihak universiti dan negeri Melaka. Sebagai contoh AUTeM telah memberikan sumbangan PPE kepada petugas kesihatan sekitar negeri Melaka sewaktu negara dilanda COVID-19.

Selain itu, AUTeM juga telah memberi sumbangan *food bank* yang berterusan kepada para pelajar di asrama dan pelajar yang di kuarantin di rumah sewa, bantuan makanan dalaman sewaktu bulan Ramadhan, dan jamuan Hari Raya Aidil Adha di asrama. Tepukan buat semua alumni. Terima kasih saya ucapkan.

7. Untuk makluman semua, Universiti amat memerlukan kerjasama dan sumbangan berterusan daripada Alumni UTeM khususnya dalam memberikan sumbangan kepada pihak Universiti menerusi tabung endowmen dan wakaf bagi

menyokong kelestarian proses perkembangan ilmu di Universiti. Sebagai makluman AUTeM, hampir 60% populasi siswa/siswi UTeM terdiri daripada mereka yang tergolong dalam kumpulan B40. Justeru, sumbangan ikhlas dari semua pihak amatlah diharapkan bagi mengurangkan bebanan siswa/siswi ini dalam masa yang sama membantu pihak universiti dalam perkara ini.

Para Alumni yang dikasihi,

8. Sepertimana yang semua sedia maklum, UTeM telah gazetkan tarikh 1 Disember setiap tahun sebagai Hari

Alumni UTeM, dan alhamdulillah kita akan menyambutnya buat kali ketiga pada tahun ini. AUTeM dengan kerjasama PPAKG, HEPA serta fakulti-fakulti akan sama-sama menganjurkan beberapa program yang akan diadakan pada tarikh tersebut bagi meraikan semua alumni UTeM di mana jua berada. Diharapkan anda semua dapat menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan.

9. Akhir kata bagi pihak Universiti, saya meletakkan harapan yang tinggi kepada alumni UTeM untuk terus menabur bakti kepada universiti ini. Insya Alllah, usaha kita bersama ini

dapat menyumbang kearah kejayaan UTeM yang lebih cemerlang dan gemilang.

Melingkar sang ular di tepi batu  
Menjadi tumpuan si anak helang  
Alumni UTeM teguh bersatu  
Menjadi pemangkin UTeM terbilang

Sekian, terima kasih.